




NEGERI BRUNEI

No. E 17 TAHUN 1962

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959

PERISHTIHARAN DZARURAT



SIR OMAR ALI SAIFUDDIN
Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

BISMILLA HIRRAHMA NIRRAHIM

Al-hamdu lillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala
Alihi Wasahbihi Ajman.

BAHAWASA-NYA ada-lah di-sharatkan dibawah bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, bahawa jika pada fikiran Sultan bahawa ada kejadian yang merbahaya kapada orang ramai yang oleh-nya keselamatan atau kehidupan iktisad Negeri, atau mana2 bahagian-nya, ada-lah terancham, sama ada oleh peperangan atau serangan dari luar atau serangan dari luar atau kekachauan dalam negeri, yang sabenar-nya atau yang di-ancham, maka Baginda boleh dengan Pemashhoran mengishtiharkan keadaan dzarurat sama ada bagi seluroh Negeri atau dalam bahagian Negeri yang di-nyatakan dalam Pemashhoran itu :

DAN BAHAWASA-NYA, KAMI berpuas hati bahawa keadaan yang membahayakan orang ramai ujud dalam Negeri di-mana keselamatan Negeri di-ancham oleh kekachauan dalam negeri :

OLEH YANG DEMIKIAN, SEKARANG, BETA, OMAR ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN IBNI ALMARHUM MOHAMMED JAMAL-UL ALAM, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei serta sekalian Jajahan Ta'alok Rantau dan Pesisir-nya, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT YANG AMAT DI-HORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH STIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHGIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA, DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (JOHORE), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (SELANGOR), HONORARY KNIGHT COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE :

dengan ini MENGISHTIHAR DAN MEMASH-HORKAN keadaan dzarurat dalam Negeri Brunei.

Sekian-lah sahaja. Demikian-lah Perishtihar-an Dzarurat.

Barang di-Rahmati Allah Subhanahu Wa Ta'ala Melikul Muluk dan Di-berkati Nabi Mohammed Sallal-lahu Alaihi Wassalam akan Perish-tiharan ini. Amin Ya Rabbul 'Alamin.

Di-perbuat di-Istana Darul Hana, Brunei pada 15 Rejab tahun Hijrah Nabi Mohammed Salla-lahu Alaihi Wassalam sa-ribu tiga ratus delapan puloh dua bersamaan dengan hitongan Masehi 12 Decem-ber, sa-ribu sembilan ratus enam puloh dua ia-itu tahun yang ka-tiga belas Beta di-atas takhta Kerajaan.

DENGAN PERENTAH,

MARSAL BIN MAUN

*Mentri Besar,
Brunei.*

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959

(Perentah2 di-bawah bab 83(3))

PERENTAH2 DZARURAT, 1962

Dalam menjalankan kuasa2 yang di-beri oleh perintah 3 dari bab 83 Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, maka Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Brunei ada-lah memperbuat Perentah2 yang berikut:—

BAHAGIAN I

Permulaan

Gelaran pendek.

1. Perentah2 ini boleh di-gelarkan sebagai Perentah2 Dzarurat, 1962.

Tafsiran.

2. (1) Di-dalam Perentah2 ini, melainkan jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain2 —

“peluru” berma'ana peluru bagi sebarang senjata api saperti yang di-huraikan salepas ini dan termasok bom2 tangan, bom2 dan lain2 peluru sama ada atau tidak boleh di-gunakan dengan sa-suatu senjata api saperti itu, dan sebarang peluru yang mengandungi atau di-bentuk atau di-sesuaikan untuk mengandungi sebarang benda chayer yang membahaya-kan, wap atau lain2 benda;

“obat bedil” —

(a) berma'ana serbok ubat bedil, *nitro-glycerine*, *dynamite*, kapas-meriam, serbok pemecah, *fulminate of mercury* atau lain2 logam api ber-warna dan tiap2 benda lain, sama ada atau tidak serupa dengan benda2 yang tersebut di atas, di-guna-kan atau di-buat dengan tujuan hendak menghasilkan kesan2 dengan jalan letopan atau kesan2 bunga api; dan

(b) termasok alamat kabus tebal, bunga api dan merchun, sumbu2, rocket2, *percussion-caps detonators*, peluru

cartridges, peluru semua jenis dan tiap2 penyesuaian atau persediaan sa-suatu letopan saperti yang di-huraikan di atas;

“senjata api” merma’ana sebarang jenis senjata berlaras yang boleh menyebabkan maut dari mana sebarang tembakan, peluru atau lain2 benda terbang boleh di-lepaskan atau di-boleh di-sesuaikan untuk di-lepaskan sebarang tembakan, peluru atau lain2 benda terbang dan sebarang senjata tidak kira apa jenis pun yang di-bentok atau di-sesuaikan untuk melepaskan sebarang benda chayer yang membahayakan, wap atau lain2 benda, dan termasuk sebarang bahagian benda mana2 senjata saperti yang tersebut dahulu;

“penderhaka” berma’ana saorang yang —

- (a) dengan menggunakan sebarang senjata api, letopan atau peluru bertindak dengan chara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam;
- (b) menggalakkkan supaya kekerasan digunakan atau menasehatkan supaya undang2 atau hukuman2 yang halal yang telah di-perbuat tidak di-patohi;
- (c) membawa atau ada dalam miliknya atau di-bawah jagaan-nya sebarang senjata api, peluru atau letopan atau lain2 senjata yang merbahaya tanpa kebenaran yang sah.

“Perentah2” berma’ana sebarang Perentah yang di-perbuat di-bawah cheraian (3) bagi bab 83 Perlembagaan Negeri Brunei dan termasuk Undang2 Ketenteraman Dalam Negeri, 1962.

“tempat orang ramai” termasok sebarang jalan besar orang ramai, jalan raya, jalan orang ramai, kebun atau taman orang ramai, sebarang pantai, sungai, jambatan orang ramai, tanah, tempat jalan kaki, halaman, medan, lorong atau tempat lalu lalang sama ada tempat itu boleh di-lalui atau tidak, sebarang tanah Kerajaan atau sebarang tempat lapang, sama ada tempat lapang itu berkepong atau tidak atau tempat tumpuan orang ramai di-mana pada masa itu orang ramai di-biar atau di-benar masok sama ada dengan bayaran atau tidak.

“dokumen sabersib” berma’ana sebarang dokumen yang mengandungi —

- (a) sebarang perkara sabersib; atau
- (b) sebarang da’ayah atau sebarang perkara yang menyokong, mendaa’ayah atau memajukan perbuatan2 yang berlawanan dengan keselamatan orang ramai di-dalam Negeri Brunei atau dengan penjagaan ketenteraman orang ramai atau pun menggalakkan supaya kekerasan di-gunakan di-dalam Negeri ini atau menasihatkan supaya jangan mematohi kapada undang2, atau kapada sebarang perentah undang2; atau
- (c) sebarang penyusolan kapada atau berkenaan dengan sebarang pengutipan, atau sebarang permintaan atau pemaksaan, sama ada berupa mata wang atau sebarang harta atau sebarang permintaan atau paksaan untok bekalan2 dengan sechara tepat atau tidak tepat bagi kegunaan orang2 yang berhajat hendak melakukan atau akan melakukan atau telah melakukan perkara2 yang sechara berlawanan

dengan keselamatan orang ramai di-dalam Negeri atau penjagaan ketenteraman atau menggalakkan supaya kekerasan di-gunakan atau menasihatkan supaya undang² atau perentah tidak di-patohi; atau

- (d) sebarang utusan atau perhubongan yang datang dari atau untuk di-terima oleh penderhaka selain daripada perhubongan di-keluarkan oleh atau dengan permintaan pegawai perkhidmatan yang menjalankan kewajipan-nya, dan termasok sebarang dokumen yang menunjukkan perhubongan, persatuan, atau pergabongan dengan sebarang persekutuan yang haram.

“bekalan²” termasok wang, barang makanan, minuman, pakaian, ubat²an, ramuan ubat atau lain² persediaan, perkakas², keperluan², benda² atau apa² barang jua pun.

(2) Di-dalam sebarang Perentah yang di-perbuat di-bawah Perentah² Dzarurat, 1962, maka ayat atau sebarang ayat yang saumpama maksud-nya “ahli Tentera Laut, Darat dan Udara Di-Raja atau sebarang Pasukan Tempatan yang di-tubohkan di-bawah sebarang undang² bertulis” hendak-lah, melainkan jika di-kechualikan dengan nyata-nya, termasok hanya ahli² yang dengan sabenar-nya di-dalam perkhidmatan pasukan² itu.

Larangan
unifom²,
lambang²,
dll.

3. (1) Menteri Besar boleh, jika di-fikirkan-nya patut di-perbuat sedemikian untuk kepentingan orang ramai, dengan perentah melarangkan pembuatan, penjualan, penggunaan, penunjukan atau pemilekan sebarang bendera, panji, lenchana, lambang, renchana, unifom atau pakaian yang terbedza.

(2) Sebarang orang yang melanggar sebarang sharat perentah yang di-perbuat di-bawah Perentah ini ada-lah melakukan kesalahan di-bawah Perentah² ini.

(3) Sebarang benda yang berkaitan dengan kesalahan yang telah dilakukan di-bawah Perentah ini ada-lah boleh di-rampas dan di-jahanamkan atau di-perbuat sebarang-nya mengikut pengarahan dari-pada Pesurohjaya Pulis, sama ada pengenalan orang2 yang bersalah di-ketahui atau tidak atau sama ada penda'waan telah di-mulakan atau tidak berkaitan dengan kesalahan itu.

Pemilekan
dokumen2
sabersib.

4. (1) Sesiapa yang dengan tidak mempunyai sebab yang halal, membawa atau ada di-dalam milek-nya atau di-bawah jagaan-nya sebarang dokumen sabersib ada-lah melakukan kesalahan dan jika sabit kesalahan-nya boleh di-hukum penjara selama tidak lebih daripada sa-puloh tahun.

(2) Sebarang dokumen yang di-katakan sabersib ada-lah di-anggapkan sebagai dokumen sabersib sa-hingga sebalek-nya diboktikan; dan di-mana sebarang penda'waan di-bawah Perentah ini ada-lah di-boktikan ia-itu saorang telah membawa atau ada di-dalam milek-nya atau di-bawah jagaan-nya sebarang dokumen sabersib maka ia ada-lah di-anggapkan telah mengetahui keadaan dan kandungan dokumen sedemikian :

Dengan sharat ia-itu tidak sa-saorang pun akan di-sabitkan kesalahan-nya di-bawah Perentah ini jika ia membuktikan sahingga kepuasan Mahkamah —

- (i) ia-itu ia tidak mengetahui keadaan atau kandungan2 dokumen sabersib yang di-bawa-nya itu atau di-bawah jagaan-nya itu; dan
- (ii) ia-itu ia membawa atau memiliki dokumen sabersib itu dalam hal keadaan yang tidak ada suatu sebab yang munasabah yang boleh ia memperchayai atau mengshakki bahawa dokumen sedemikian ada-lah dokumen sabersib.

Kegagalan men-
yerah dokumen2
sabersib dan
barang2 yang
lain2.

(3) Barang siapa yang menerima sebarang bendera larangan, panji, lenchana atau lain2 perkakas, atau lain2 dokumen daripada atau di-katakan dari-pada atau ada sebab2 yang di-fikirkan munasabah

untuk di-perchayai daripada penderhaka atau dari-pada mereka yang bekerja bagi pehak penderhaka, hendak-lah di-hantar kapada pegawai pulis dengan tidak di-tanggoh2 lagi dan barang siapa yang tidak berbuat demikian atau, melainkan jika ia di-beri kabenaran oleh pegawai pulis yang tidak rendah pangkat-nya daripada saorang Penguasa, memberi tahu sa-saorang atau menchetak atau menyebabkan di-chetak sebarang isi kandongan pesanan, surat dan kertas ini ada-lah melakukan kesalahan dan bolch di-hukom penjara tidak lebeh daripada tiga tahun.

Ma'alumat
palsu dan
keterangan
palsu.

5. (1) Sa-orang yang memberi maalumat kapada sa-saorang ahli Tentera Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau sa-saorang ahli Pasukan Tempatan yang di-tubohkan di-bawah Undang2 bertulis atau saorang pegawai awam apa2 jua maalumat mulut atau bertulis yang di-ketahui-nya atau di-perchayai-nya palsu, dengan niat menyebabkan atau mengetahui yang ia akan menyebabkan saorang pegawai itu akan menggunakan kuasa-nya untuk mengga-nggu atau menyebabkan kemarahan sa-saorang lain atau menyebabkan di-buat atau di-tinggal apa2 pun pekerjaan pegawai itu yang ia-nya seharus-nya tidak boleh membuatkan atau meninggalkan-nya sekira-nya perkara yang sebenar di-ketahui-nya, ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom penjara selama tidak lebeh dari tujoh tahun.

Panggal 22

(2) Bab2 194 dan 195 dari Undang2 Penal Code ada-lah di-kenakan kapada sebarang kesalahan di-bawah Perentah2 ini sa-olah2 kesalahan itu ada-lah kesalahan yang boleh di-hukom di-bawah Undang2 Penal Code.

(3) Da'awaan bagi kesalahan di-bawah Perentah ini tidak-lah akan di-jalankan melainkan oleh atau dengan kebenaran daripada Peguam Negara sendiri, dengan sharat ia-itu saorang yang di-da'awa di-bawah kesalahan itu bolch-lah di-tangkap atau waran untuk penangkapan-nya boleh-lah di-keluar dan di-jalankan dan sa-saorang itu boleh-lah ditahan dalam tahanan atau di-lepaskan dengan jaminan, dengan tidak menghiraukan yang kebenaran daripada Peguam Negara untuk menjalankan da'awaan di atas kesalahan itu belum lagi di-terima

tetapi langkahan selanjutnya atau lain2 tindakan tidak-lah boleh di-ambil sehingga kebenaran itu telah di-dapati.

Chubaan melakukannya kesalahan2 dan membantu orang2 yang melakukan kesalahan.

Panggal 22

Persubahanan dan hukuman am.

6. (1) Dengan tidak menchachatkan perjalanan Panggal V dan Panggal XXIII dari Undang2 Penal Code, sa-saorang yang menchuba melakukan, atau membuat sebarang persediaan untuk melakukan, kesalahan di-bawah sebarang Perentah2 ini, ada-lah di-anggapkan salah di-bawah kesalahan2 dari Perentah2 ini.

(2) Tidak sa-saorang pun, dengan pengetahuannya sendiri atau mempunyai sebab2 yang munasabah bagi memperchayai ia-itu saorang lain telah melakukan kesalahan di-bawah sebarang Perentah2 ini, akan memberi orang lain itu sebarang pertolongan dengan niat supaya menchegah, menghalang atau mengganggu tangkapan, perbicharaan atau hukuman orang2 itu bagi kesalahan2 yang tersebut.

7. Jika sa-saorang melanggar atau gagal mempatohi sebarang Perentah2 ini, atau sebarang perentah atau atoran yang telah di-perbuat di-bawah sebarang Perentah2 ini, atau sebarang arahan yang di-beri atau kehendak yang di-kenakan di-bawah sebarang Perentah2 ini, atau bersubahat bagi melakukan pelanggaran atau kegagalan sedemikian itu, ada-lah melakukan kesalahan di-bawah Perentah2 ini; dan bersharat kepada sebarang sharat2 yang khas terkandong dalam Perentah2 ini, saorang yang bersalah di-bawah Perentah2 ini boleh di-hukum penjara selama tidak lebeh daripada tiga tahun atau denda sebanyak tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau kedua2 penjara dan denda yang tersebut.

BAHAGIAN II

Tahanan dan Pembuangan Negeri

Kuasa memerintah tahanan.

8. (1) Menteri Besar boleh dengan perentah yang di-tanda tangani-nya, mengarahkan ia-itu sa-saorang yang nama-nya tersebut di-dalam perentah

**"Kuasa
memerentahkan
tahanan.**

3.99/63

8. (1) Mentri Besar boleh dengan perentah yang di-tanda-tangani-nya, mengarahkan ia-itu sa-sa-orang yang nama-nya tersebut di-dalam perentah itu di-tahan bagi satu masa yang tidak lebeh dari dua tahun di-suatu tempat tahanan yang di-nyatakan dalam perentah itu oleh Mentri Besar, dan di-dalam perkara sebarang perentahan yang menyatakan masa tahan itu kurang dari dua tahun, Mentri Besar boleh menanda tangani perentah itu dari satu masa ka-samasa mengarahkan yang masa tahanan itu di-lanjutkan bagi satu masa atau masa2 lanjutan yang tidak lebeh jumlah-nya daripada dua tahun di-champurkan bersama2 dengan masa yang di-nyatakan dalam perentah asal:

Dengan sharat —

- (i) Tidak ada apa2 dalam Perentah ini akan menghalangkan Mentri Besar daripada memperbuat dari satu masa ka-samasa suatu hukuman selanjutnya, berkenaan dengan orang itu juga bagi satu masa atau satu tempoh yang tidak lebeh dari dua tahun bagi tiap2 perentah itu dan tiap2 perentah lanjutan itu akan berjalan kuat-kuasa-nya satelah luma masa ka-masa dengan arahan atau arahan2 selanjut-nya menyambong tempoh di-dalam mana sharat2 samedikian akan berjalan kuat-kuasa terus

bagi tempoh yang tidak lebih dari
put tempoh yang di-nya-
takan di-dalam perentah
sbelum dari itu;

(ii) di-mana di-bawah seba-
rang sharat2 Perentah ini
perjalanan sebarang pe-
rentah tahanan telah di-
gantong serta'alok dengan
sharat2, maka Menteri Be-
sar, tanpa membuat pe-
rentah tahanan selanjut-
nya, boleh mengarahkan
supaya sharat2 itu akan
berjalan terus kuat-kuasa-
nya dengan tidak menghi-
raukan yang perentah ta-
hanan itu telah luput
masa-nya bagi masa, yang
tidak lebih dari dua ta-
hun, sabagaimana ia boleh
menyatakan dan dari ma-
sa ka-masa dengan arahan
atau arahan2 selanjutnya
menyambong tempoh di-
dalam mana sharat2 sa-
demikian akan berjalan
kuat-kuasa terus bagi
tempoh yang tidak lebih
masa dua tahun bagi
arahan sademikian saba-
gaimana yang beliau bo-
leh menyatakan.

(2) Bagi maksud Perentah ini ma-
ka hendak-lah di-adakan satu atau
lebih Jawatankuasa Penasihat yang
mengandungi orang2 yang di-lantek
oleh Sultan. Pengerusi dan dua
orang ahli Jawatankuasa itu ada-lah
chukup menjadi satu korum.

(3) Sebagai tambahan dari lantek-
an Pengerusi bagi sesuatu Jawatan-
kuasa, maka Sultan boleh-lah melan-

tek sa-orang Pengerusi penganti yang akan mengerusi Jawatankuasa tersebut pada sebarang masa apabila Pengerusi itu tidak dapat menjalankan kewajipan-nya.

(4) Tugas2 sebarang Jawatan-kuasa tersebut ada-lah untuk memeriksa alasan2 yang mana sa-saorang telah di-tahan di-bawah Perentah ini dan menasihatkan sama ada dan dibawah sharat2 apa-kah perentah yang telah di-perbuat di-bawah perenggan (1) dari Perentah ini patut di-batalkan atau di-gantong.

(5) Segala soalan di-dalam Jawatankuasa Penasihat ini hendak-lah di-putuskan dengan undian2 yang terbanyak dari Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, mengikut keadaan-nya, dan dari sebarang ahli yang hadzir dan mengundi. Di-dalam perkara undian yang sama, maka Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, mengikut keadaan-nya, ada-lah mempunyai satu undian pemutus.

(6) Menteri Besar atau sa-saorang yang di-beri kuasa oleh-nya bagi menjalankan kuasa2 itu dengan kenyataan di-dalam *Warta Kerajaan* boleh —

(a) membatalkan sebarang perentah yang telah di-perbuat di-bawah perenggan (1) bagi Perentah ini;

(b) mengarahkan ia-itu perjalanan sebarang perentah itu di-gantong dan semasa membuat sedemikian boleh mengenakan sebarang sharat yang di-fikirkan-nya perlu, termasok satu

sharat ia-itu orang yang di-kenakan perentah itu akan mengikat satu jaminan supaya mematohi kepada sharat atau sharat2 dan dengan sebanyak wang dan dengan orang2 jaminan sebagaimana Menteri Besar atau orang yang memberi arahan itu memikirkan patut;

- (c) membatalkan sebarang arahan yang di-beri di-bawah cheraian (b) bagi perenggan ini jika ia berpuas hati ia-itu orang yang berkenaan dengan arahan itu telah gagal mematohi sebarang sharat yang di-kenakan sebagai yang tersebut atau adalah tidak patut perjalanan perentah itu terus di-gantong."

a
dongi saorang Pengurusi dan saorang Timbalan Pengurusi dan juga seberapa banyak bilangan ahli yang patut pada fikiran Sultan. Pengurusi dan Timbalan Pengurusi hendak-lah orang2 yang memegang atau telah memegang jawatan2 kehakiman atau jawatan2 sebagai pegawai2 undang2. Pengurusi atau Timbalan Pengurusi dan dua orang ahli ada-lah chukop menjadi satu korum.

- (8) (a) Surohanjaya boleh bila2 masa juga pun mengulangkaji sebarang perentah atau arahan yang telah di-perbuat atau di-beri di-bawah perenggan (1) bagi Perentah ini atau sebarang sharat2-nya dan sebarang sharat2 di atas mana perjalanan hukuman2 demikian itu di-gantong di-bawah sebarang sharat2 Perentah ini, dan akan mengulang-kaji

tiap2 perentah, arahan dan sharat2 itu dalam jangka waktu yang tidak lebih dari enam bulan;

- (b) Semasa mengkaji sebarang perentah, arahan atau sharat2, mengikut sabagaimana sharat2 cheraian (a) bagi perenggan ini, Surohanjaya itu ada-lah mempunyai kuasa2 yang berikut :
- (i) semasa mengkaji perentah tahanan apa-bila orang yang nama-nya tersebut dalam perentah itu di-tahan dalam satu tempat tahanan, ia-lah kuasa2 yang di-beri kepada Menteri Besar oleh perenggan (11) bagi Perentah ini;
 - (ii) semasa mengkaji arahan yang di-beri di-bawah cheraian (ii) pada sharat bagi perenggan (1) bagi Perentah ini dengan mana sa-saorang itu di-kehendaki mematohi sebarang sharat2 sedemikian atau sebarang daripada-nya, ia-lah kuasa meminda atau membatal sharat2 yang sedemikian atau sebarang daripada-nya;
 - (iii) semasa mengkaji sebarang sharat2 di atas mana perjalanan perentah tahanan itu di-gantong, kuasa membatalkan hukuman sedemikian atau meminda atau membatal sharat2 yang sedemikian atau sebarang daripada-nya :

Dengan sharat ia-itu apabila pada pendapat Pengurusi atau Timbalan Pengurusi ada-lah perlu di-pinda bagi keuntongan orang yang di-tahan itu atau di-batalkan sebarang perentah atau sharat, kuasa yang sedemikian boleh di-jalankan oleh Pengurusi atau Timbalan Pengurusi dengan sendiri-nya.

- (9) (a) Dua minggu sebelum pengkajian sebarang perentah yang telah di-perbuat di-bawah perenggan (1) bagi Perentah ini di-bawah mana sa-saorang itu ditahan di-dalam tempat tahanan maka Pengurusi atau Timbalan Pengurusi bagi Surohanjaya itu akan mengambil langkah supaya orang yang di-tahan itu di-beri kenyataan masa-nya dan waktunya yang Surohanjaya itu akan bersidang bagi maksud mengulangkaji perentah itu dan orang yang di-tahan itu ada-lah berhak hadzir di-hadapan Surohanjaya itu sendiri atau oleh peguam atau ajent.
- (b) Surohanjaya boleh dengan menulis kepada pegawai penjaga tempat tahanan itu menghendaki orang yang di-tahan di-bawah perentah yang telah di-perbuat di-bawah perenggan (1) bagi Perentah ini supaya di-hadapkan kehadapan-nya dan pegawai yang tersebut hendak-lah membawa orang itu kehadapan Surohanjaya yang tersebut dengan mengikut kehendak2-nya.
- (c) Sa-saorang yang di-bawa keluar di-dalam menjalankan sharat yang tersebut dalam cheraian tadi ada-lah, semasa di-luar tempat tahanan itu, di-anggap sebagai di-dalam tahanan yang sah bagi maksud Undang2 Penal Code.
- (d) Surohanjaya boleh dengan mengikut timbangan-nya menghendaki sa-saorang memberi sebarang ma'alumat yang ada dalam milek-nya yang berkaitan dengan sesuatu perkara yang sedang di-kaji oleh Surohanjaya di-dalam menjalankan kuasa2-nya di-bawah Perentah ini.
- (e) Semua pemereksaan di-hadapan Surohanjaya ini akan di-adakan sechara tertutup.

(10) Terta'alok kapada sharat2 di-perenggan (4) bagi Perentah ini, semua soalan2 di-dalam Jawatankuasa Pengulangkaji atau di-dalam Surohanjaya boleh di-putuskan dengan undian yang terbanyak dari Pengurusi atau Timbalan Pengurusi dan dari sebarang ahli yang hadzir dan mengundi. Di-dalam perkara undian yang sama Pengurusi atau Timbalan Pengurusi ada-lah mempunyai undian pemutus.

(11) Menteri Besar atau sa-saorang yang di-beri kuasa oleh-nya bagi menjalankan kuasa2 itu dengan kenyataan di-dalam *Warta Kerajaan* boleh —

- (a) membatalkan sebarang perentah yang telah di-perbuat di-bawah perenggan (1) bagi Perentah ini;
- (b) mengarahkan ia-itu perjalanan sebarang perentah itu di-gantong dan semasa membuat sedemikian boleh meng-enakan sebarang sharat yang di-fikir-kan-nya perlu, termasuk satu sharat ia-itu orang yang di-kenakan perentah itu akan mehgikat satu jaminan supaya mematohi kapada sharat atau sharat2 dan dengan sebanyak wang dan dengan orang2 jaminan sabagaimana Menteri Besar atau orang yang memberi arahan itu memikirkan patut;
- (c) membatalkan sebarang arahan yang di-beri di-bawah cheraian (b) bagi perenggan ini jika ia berpuas hati ia-itu orang yang berkenaan dengan arahan itu telah gagal mematohi sebarang sharat yang di-kenakan sebagai yang tersebut atau pun ada-lah tidak patut perjalanan perentah itu terus di-gantong.

**Pemindahan
orang tahanan
daripada satu
tempat ka-suatu
tempat.**

9. Menteri Besar atau sa-saorang yang di-beri kuasa oleh-nya menjalankan kuasa yang sedemikian boleh dengan perentah mengarahkan supaya sa-saorang atau orang2 yang di-tahan di-bawah seba-

rang perentah yang di-keluarkan di-bawah Perentah 8 dari Perentah2 ini di-pindahkan dari satu tempat tahanan ka-suatu tempat tahanan yang lain yang di-nyatakan di-dalam perentah itu.

Tahanan.

10. (1) Sa-saorang yang di-tahan di-bawah Perentah 8 dari Perentah2 ini boleh dengan persetujuan Kerajaan Tanah2 Jajahan Sarawak dan Borneo Utara di-hantar ka-Tanah2 Jajahan itu dengan satu perentah Menteri Besar, dan di-tahan di-sana bagi satu masa yang di-nyatakan di-dalam perentah yang mula2 tersebut tadi atau pun sebahagian daripadanya.

(2) Sa-saorang yang sedang di-pindahkan ka-Tanah2 Jajahan itu atau pun di-tahan di-sana di-bawah perenggan (1) atau semasa pemindahan daripada satu tempat tahanan ka-satu tempat tahanan lain di-bawah Perentah 9, boleh-lah di-anggapkan sebagai di-dalam tahanan yang sah dan sa-olah2 orang atau orang2 yang berkuasa memindahkan-nya atau menahan-nya itu ia-lah sa-orang pegawai atau pegawai2 penjara di-bawah perentah itu.

(3) Menteri Besar boleh memberi perentah atau arahan bagi pengurusan di-dalam atau sebalek-nya berkenaan dengan sesuatu tempat tahanan yang di-nyatakan di-dalam perentah yang di-perbuat di-bawah Perentah 9, dan bagi tata-tertib orang2 yang di-tahan di-dalam-nya.

Orang2 tahanan boleh di-perentah keluar Negeri.

11. Sultan boleh memerentah sesiapa yang di-tahan di-bawah perenggan (1) bagi Perentah 8 dari Perentah2 ini supaya keluar dan dudok di-luar Negeri :

Dengan sharat Perentah ini tidak-lah boleh di-buat terhadap :—

- (a) sa-saorang ra'ayat Sultan; atau
- (b) sa-saorang ra'ayat British yang telah dilahirkan dalam Negeri Brunei; atau
- (c) ~~sa-saorang sahingga ia telah di-beri peluang yang chukop untuk membuat bangkangan terhadap hukuman tahan-~~

*Di batalkan
oleh s 99/63*

~~an-nya kepada Jawatankuasa Pengulangkaji di-bawah sharat2 perenggan (4) bagi Perentah 8 dari Perentah2 ini, dan bangkangan yang sedemikian jika di-perbuat telah di-kaji dan dilaporkan oleh Jawatankuasa Pengulangkaji.~~

~~Bagi maksud2 perenggan ini saorang yang di-tahan di-bawah Perentah 9 boleh-lah di-anggapkan telah mendapat peluang yang menchukopi untuk membangkang perentah tahanan-nya jika tu-joh hari telah lupot setelah ia di-beri tahu akan hak2 nya untuk memperbuat bangkangan mengikut perenggan 4 bagi Perentah 8.~~

Bahagian III — Kesalahan2

Peluru senjata2 api dan letopan.

12. (1) Sesiapa yang tidak mempunyai sebab yang sah, tanggong jawab bagi membokti-nya ada-lah pada orang itu sendiri, membawa atau ada di-dalam milekan-nya atau di-bawah jagaan-nya —

- (a) sebarang senjata api, tanpa berkebenaran yang sah bagi-nya; atau
- (b) sebarang peluru atau letopan, tanpa berkebenaran yang sah bagi-nya;

ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom bunoh.

(2) Saorang ada-lah di-anggapkan mempunyai kebenaran yang sah bagi maksud2 Perentah ini hanya jika ia —

- (a) ada-lah saorang Pegawai Pulis atau saorang ahli Tentera Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau sebarang Pasukan Tempatan yang telah di-tubohkan di-bawah sebarang Undang2 yang bertulis atau sa-saorang yang bekerja di-Pejabat Penjara bagi Negeri dan di-dalam tiap2 perkara ini ia membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaan-nya senjata api, peluru atau letopan itu semasa atau pun berkaitan dengan menjalankan tugas2 nya; atau

- (b) ada-lah saorang yang memegang lisen atau di-benarkan tanpa berlisen, dibawah sharat2 sebarang Undang2 yang bertulis yang pada masa itu berjalan kuat-kuasa-nya untuk membawa, memiliki atau ada di-bawah jagaannya senjata api, peluru atau letopan itu; atau
- (c) ada-lah saorang yang telah di-kechualikan daripada sharat2 Perentah ini oleh saorang Pegawai Penjaga Daerah Pulis atau saorang yang menjadi ahli sebahagian dari orang2 yang di-kechualikan oleh Pesurohjaya Pulis dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* :

Dengan sharat ia-itu tidak sa-saorang pun akan di-anggapkan mempunyai kebenaran yang sah bagi maksud Perentah ini atau di-kechualikan daripada Perentah ini jika sekira-nya ia membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaannya sebarang senjata api, peluru atau letopan itu bagi maksud di-gunakan untuk sechara yang berlawanan dengan keselamaatan awam atau penjagaan ketenteraman awam.

(3) Saorang ada-lah di-anggapkan mempunyai sebab yang sah bagi maksud Perentah ini ha-nya jika ia membuktikan —

- (a) ia-itu ia telah mendapat senjata api, peluru atau letopan itu dengan chara yang sah dan untuk maksud yang sah; dan
- (b) ia-itu ia tidak bila2 masa pun di-waktu membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaannya senjata api, peluru atau letopan itu, bertindak sechara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam.

(4) Saorang yang di-tudoh dengan kesalahan di-bawah Perentah ini tidak-lah di-benarkan di-jamin.

Senjata2
merbahaya.

13. Saorang yang membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaan-nya sebarang senjata merbahaya atau sebarang perkakas yang boleh di-gunakan sebagai senjata merbahaya, selain dari senjata api, di-dalam keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah ia-itu ia telah menggunakan atau bertujuan atau hendak menggunakan senjata atau perkakas itu bagi sebarang kegunaan yang haram ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom penjara selama tidak lebih dari sepuloh tahun.

Bekalan2.

14. (1) Sa-saorang yang memaksa, mengutip atau menerima sebarang bekalan2 daripada saorang yang lain di-dalam keadaan yang menimbulkan anggapan ia-itu ia bertujuan atau akan bertindak atau telah bertindak sechara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam, atau bekalan2 yang di-paksa, di-kutip atau telah di-terima itu ada-lah di-chadangkan untuk di-gunakan oleh sa-saorang yang bertujuan atau akan bertindak atau telah bertindak sedemikian, atau untuk kegunaan sa-saorang penderhaka, ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom penjara selama tidak lebih dari sepuloh tahun.

(2) Sa-saorang yang di-jumpai ada dalam milekan-nya sebarang bekalan yang ia tidak boleh memberi keterangan yang memuaskan di-dalam keadaan yang menimbulkan anggapan ia-itu bekalan2 sedemikian ada-lah di-chadangkan untuk di-gunakan oleh sa-saorang yang bertujuan, atau akan bertindak atau telah bertindak sechara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam, atau yang bekalan2 itu ada-lah di-chadangkan bagi kegunaan sa-saorang penderhaka, ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom dengan penjara selama tidak lebih dari tiga tahun.

(3) Sa-saorang yang memberi, sama ada sechara langsung atau tidak langsung, sebarang bekalan kapada sa-saorang yang lain di-dalam keadaan yang menimbulkan anggapan ia-itu orang yang lain itu bertujuan atau akan bertindak, atau telah

bertindak, sechara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam, atau bekalan2 yang di-adakan itu ada-lah di-chadangkan bagi saorang yang bertujuan atau akan bertindak atau telah bertindak sedemikian, atau bekalan2 itu di-chadangkan untuk di-gunakan oleh sa-saorang penderahaka, ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom penjara yang tidak lebih dari dua tahun.

(4) Di-dalam sebarang tudohan di-bawah sebarang sharat2 Perentah ini, maka tidak-lah mustahak di-nyatakan orang atau orang2 yang dari siapa bekalan2 itu telah di-paksa, di-kutip atau di-terima atau pun kepada siapa sebarang bekalan2 ini di-beri.

Bersubahat dengan sa-orang yang membawa atau ada dalam milekan-nya senjata2 api atau letopan2.

15. (1) Sa-saorang yang bersubahat dengan atau di-jumpai bersama2 dengan saorang lain yang membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaan-nya sebarang senjata api, peluru atau letopan dengan melanggar sharat2 Perentah 12 dari Perentah2 ini, di-dalam keadaan2 yang menimbulkan anggapan yang munasabah ia-itu ia berchadang, atau akan bertindak atau telah bertindak, dengan saorang yang lain sechara yang berlawanan dengan keselamatkaan awam atau penjagaan ketenteraman awam ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom penjara selama tidak lebih dari lima tahun.

(2) Sa-saorang yang bersubahat dengan, atau di-jumpai bersama2 dengan saorang yang lain yang membawa atau ada dalam milekan-nya, atau di-bawah jagaan-nya sebarang senjata api, peluru atau letopan dengan melanggar sharat2 Perentah 12 dari Perentah2 ini, di-dalam keadaan2 yang menimbulkan anggapan yang munasabah ia-itu ia mengetahui yang orang yang lain itu ada-lah membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaan-nya sebarang senjata api, peluru atau letopan, ada-lah melakukan kesalahan dan boleh di-hukom penjara tidak lebih dari tiga tahun.

(3) Di-mana, di-dalam sebarang da'awaan kesalahan di-bawah Perentah ini, ada-lah telah di-bok-

tikan sehingga kepuasan Mahkamah ia-itu orang yang salah itu telah bersubahat dengan atau bersama2 dengan sa-saorang yang membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaan-nya sebarang senjata api, peluru atau letopan, maka adalah di-anggapkan sehingga terbokti sebalek-nya, ia-itu orang yang tersebut tadi telah membawa atau ada dalam milekan-nya atau di-bawah jagaan-nya senjata api, peluru atau letopan dengan melanggar sharat2 Perentah 12 dari Perentah2 ini.

Kegagalan memberi laporan kesalahan atau memberi ma' alumat berkaitan dengan penderhaka2.

16. Sesiapa yang —
- (a) mengetahui atau mempunyai sebab untok memperchayai ia-itu saorang lain itu telah melakukan kesalahan di-bawah Perentah2 ini, tidak melaporkan perkara itu kapada pegawai pulis; atau
 - (b) mempunyai sebarang ma'alumat berkenaan dengan pergerakan pada masa itu atau kemudian-nya atau di-mana berada-nya sesiapa yang di-ketahui-nya atau ia mempunyai sebab2 yang munasabah untok memperchayai ada-lah saorang penderhaka tidak melaporkan perkara ini kapada pegawai pulis, ada-lah di-dapati salah dan boleh di-hukom penjara selama tidak lebih daripada tiga tahun.

Bahagian IV — Tempat yang di-kawal

Tempat yang di-kawal.

17. (1) Jika sebarang tempat atau kawasan itu difikirkan oleh Pesurohjaya Pulis mustahak atau layak bagi keperluan keselamatan atau kawalan orang awam, atau bagi penjagaan barang bekalan atau perkhidmatan yang perlu bagi masharakat, supaya kawalan khas misti di-ambil untok menghindar kemasukan orang2 yang di-larang, ia boleh dengan perentah mengistiharkan supaya tempat atau kawasan ini menjadi tempat yang di-kawal bagi mak-sud Perentah2 ini, dan selagi perentah itu berjalan kuat-kuasa-nya, tidak seseiapa pun boleh, dengan sharat yang terkechualи yang di-sharatkan dalam

perentah itu, berada di-tempat itu atau di-dalam bangunan itu tanpa berkebenaran daripada pehak yang berkuasa itu atau orang yang tersebut di-dalam perentah itu.

Sebarang tempat atau bangunan yang berkaitan dengan perentah itu yang telah di-perbuat di-bawah Perentah ini ada-lah selepas ini di-kenali sebagai "tempat kawalan."

(2) Di-mana dengan mengikut Perentah ini se-siapa yang telah di-beri kebenaran berada di-tempat kawalan, maka orang itu hendak-lah semasa di-bawah kebenaran itu, mematohi kapada arahan2 untuk mengatorkan tengkah laku-nya sabagaimana yang telah di-beri oleh Pesurohjaya Pulis atau oleh pehak yang berkuasa atau orang yang telah memberi kebenaran itu.

(3) Sa-saorang pegawai pulis atau sa-saorang yang telah di-beri kuasa bagi menjalankan perkerjaan itu oleh pendudok bangunan2 itu boleh-lah memereksa sa-saorang yang hendak masok atau chuba memasuki, atau berada di-dalam tempat kawalan itu dan boleh menahan sa-saorang serupa itu bagi maksud memereksa-nya.

(4) Jika sekira-nya sa-saorang itu berada di-dalam tempat kawalan dengan berlawanan daripada Perentah ini atau semasa berada dalam tempat yang sedemikian, gagal mematohi sebarang arahan2 yang telah di-beri di-bawah Perentah ini, maka dengan tidak menimbulkan perasangka kapada tindakan yang akan di-ambil terhadap-nya, ada-lah boleh dipindahkan daripada tempat itu oleh sa-saorang pegawai pulis atau sa-saorang yang telah di-beri kuasa oleh pendudok bangunan itu memperbuat sedemikian.

(5) Sa-saorang yang berada di-dalam tempat kawalan dengan berlawanan daripada Perentah ini atau pun apabila ia telah di-chabar oleh saorang pegawai pulis dan dengan sengaja-nya gagal berhenti atau dengan sechara haram gagal menyerah diri-nya untuk di-pereksa ada-lah melakukan kesalahan di-bawah Perentah2 ini.

(6) Maka ada-lah sah bagi Mentri Besar mengambil tindakan atau membuat chara supaya tindakan di-ambil sabagaimana pada pendapat-nya mustahak bagi mengawal sebarang tempat kawalan dan tindakan itu ada-lah sehingga sampai mengambil tindakan mengawal yang melibatkan bahaya kepada nyawa sa-saorang yang masok atau menchuba hendak masok ka-tempat kawalan itu. Dimana langkah2 yang terlibat dengan bahaya2 tersebut di-ambil maka Pesurohjaya Pulis hendak-lah mengambil langkah2 untuk mengawal, termasok dengan chara2 menunjukkan papan2 kenyataan yang terang sabagaimana pada pendapat-nya mustahak untuk mengelakkan supaya dengan lalai atau dengan tidak sengaja-nya sa-saorang masok di-dalam kawasan yang merbahaya itu, dan di-mana langkah2 ini telah di-ambil maka sa-saorang pun tidak berhak mendapat pampasan atau pun bayaran ganti rugi berkenaan dengan kechedraan yang telah di-terima atau kematian yang telah di-sebabkan oleh kemasukan yang tidak sah kedalam tempat kawalan atau tempat merbahaya itu.

(7) Bagi maksud2 Perentah ini “pegawai pulis” ada-lah termasok —

- (a) sa-saorang ahli Tentera Laut, Darat, atau Udara Di-Raja atau sebarang pasukan Tempatan yang telah ditubohkan di-bawah sebarang Undang2 yang bertulis;
- (b) sa-saorang pegawai penjara, dan sa-saorang pegawai yang bekerja di-mana2 tempat tahanan yang tersebut di-dalam perentah yang di-perbuat dibawah Perentah 8 dari Perentah2 ini;
- (c) sa-saorang yang menjalankan tugas2 sebagai pengawal, atau penjaga di-tempat kawalan, yang telah dilantek sama ada dengan khas-nya atau amnya dengan kebenaran Pesurohjaya Pulis.

Bahagian V — Penangkapan dan Pemereksaan

Penangkapan.

18. Sa-saorang pegawai pulis boleh tanpa berwaran menangkap sa-saorang yang di-shakki melakukan sebarang kesalahan berthabit dengan Perentah2 ini atau di-ujudkan saorang yang di-shakki telah di-perentah untuk di-tahan di-bawah Perentah 8 dari Perentah2 ini.

Penangkapan orang2 yang di-shakki boleh ditahan.

19. (1) Sa-saorang pegawai pulis boleh tanpa berwaran menangkap sa-saorang yang di-perchayai-nya bahawa ada alasan2 yang mana akan membolehkan supaya orang itu di-tahan di-bawah Perentah 9 dari Perentah2 ini. Sa-saorang yang di-perchayai sedemikian boleh di-tahan selama tidak lebih dari dua puluh lapan hari sebelum satu keputusan sama ada satu perentah bagi di-tahankan dia di-bawah Perentah 8 tersebut patut di-perbuatkan.

(2) Sa-saorang yang di-tahan di-bawah kuasa2 yang di-beri oleh Perentah ini akan di-anggapkan sah tahanan-nya dan ia boleh di-tahan di-dalam mana2 penjara, atau di-mana2 balai pulis, atau di-mana2 tempat yang saperti-nya yang telah di-beri kuasa am-nya atau khas-nya untuk tahanan itu oleh Menteri Besar.

Kuasa2 penangkapan dan menggeledak oleh ahli2 Pasokan2 Di-Raja dan Pasokan2 Tempatan.

20. Kuasa2 yang di-beri kapada Pegawai2 Pulis oleh Perentah2 18, 18 (1) dan 23 (1) dari Perentah2 ini boleh di-pertugaskan oleh sebarang ahli2 Tentara Laut, Darat dan Udara Di-Raja atau pun dari sebarang Pasokan2 Tempatan yang ditubohkan di-bawah sebarang Undang2 yang bertulis atau oleh sa-saorang lain yang menjalankan tugas menjaga atau oleh penjaga di-tempat yang dikawal atau oleh saorang yang biasa-nya di-beri kuasa oleh Pesurohjaya Pulis.

Menggunakan senjata2 merbahaya di-dalam penangkapan2.

21. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang perkara yang dalam sebarang undang2 yang bertulis, maka akan menjadi sah bagi sa-saorang pegawai supaya :

- (a) menangkap sa-saorang yang pada pendapat-nya dalam sebarang keadaan-nya ada sebab2 yang munasabah yang boleh di-shakki yang ia telah melakukan satu kesalahan terhadap Perentah2 12 dan 15; atau
- (b) mengatasi pertentangan keras yang diberi oleh sa-saorang bagi penangkapan sedemikian; atau
- (c) menchegahkan terlepas-nya dari penangkapan atau penyelamatan sa-saorang yang di-tangkap saperti yang di-sebutkan tadi, dan menggunakan apa juga kekerasan yang dalam sebarang keadaan-nya difikirkan perlu, dan kekerasan itu boleh sampai menggunakan sebarang senjata yang merbahaya.

(2) Tiap2 orang yang di-tangkap bagi sebarang kesalahan yang di-sebutkan di-perenggan (1) bagi Perentah ini akan, dengan seberapa segera sesudah penangkapan-nya, hendak-lah dengan terang-nya di-beri amaran oleh saorang pegawai, yang ia-itu boleh di-tembak jika ia chuba melepaskan diri-nya dari tahanan.

(3) Bagi maksud2 Perentah ini, "pegawai" bererti sebarang pegawai pulis atau sebarang ahli Tenta Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau sebarang Pasokan2 Tempatan yang di-tubohkan dibawah sebarang Undang2 yang bertulis dan termasuk sa-saorang yang menjalankan kewajipan2 pengagaan atau sa-saorang yang menjaga di-tempat yang di-kawal, lantekkan yang mana hendak-lah khas-nya atau 'am-nya di-beri kuasa oleh Pesuroh-jaya Pulis.

(4) Tidak ada dalam Perentah ini yang mengurangkan apa2 hak Mengawal Diri yang terkandong dalam bab2 96 hingga 106 Undang2 Penal Code.

(5) Sebarang perbuatan atau perkara yang telah di-lakukan sebelum berjalan kuat-kuasa-nya Perentah ini yang mana sah di-perlakukan jika

Perentah ini telah berkuat-kuasa, akan di-anggapkan menjadi sah di-perlakukan di-bawah Perentah ini.

Kuasa
memereksa.

22. (1) (a) Apabila dalam menjalankan tugas-nya, sa-saorang Pegawai Pulis atau sa-saorang ahli Tentera Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau sebarang Pasukan2 Tempatan yang tubohkan di-bawah sebarang Undang2 yang bertulis boleh tanpa berwaran dan sama-ada dengan atau tanpa pertolongan memberhentikan dan memereksa sebarang kereta atau sa-saorang sama ada di-tempat ramai atau tidak jika ia mengshakki ada sebarang bokti bagi sebarang kesalahan boleh di-dapati dalam sebarang kereta itu atau daripada sebarang orang itu dan boleh merampas sebarang apa bokti yang di-dapati-nya.
(b) Apabila menjalankan kewajipan-nya maka sa-saorang Pegawai Pulis dari pangkat sergeant ka-atas atau sa-saorang ahli Tentera Laut, Darat atau Udara Di-Raja berpangkat atau ka-atas daripada pangkat leading rate atau pegawai yang tidak bertauliah (mengikut berkenaan) atau sa-saorang ahli dari Pasukan2 Tempatan yang ditubohkan di-bawah sebarang undang2 yang bertulis berpangkat atau ka-atas-nya dari pangkat2 tersebut tadi yang di-beri kuasa dengan bertulis oleh Pegawai Penjaga Daerah Pulis untuk membolehkan tanpa berwaran dan dengan atau tanpa pertolongan memasuki dan menggeledak sebarang rumah jika dishakki-nya ada apa2 bokti pada sebarang kesalahan yang harus boleh di-dapati di-rumah2 itu dan boleh merampas sebarang bokti yang di-dapati-nya.

(2) Orang perempuan tidak akan di-pereksa dibawah Perentah ini kechuali oleh saorang perempuan.

Kuasa menggele-
dak bagi dan
merampas sen-
jata2 yang
merbahaya.

23. (1) Sa-saorang pegawai pulis boleh tanpa berwaran —

- (a) memasuki dan menggeledak sebarang rumah;
- (b) memberhentikan dan memereksa sebarang kapal, kereta atau sa-saorang sama ada di-tempat ramai atau tidak, jika di-shakki-nya bahawa sebarang senjata yang merbahaya dari apa juga rupa atau sebarang benda yang boleh di-pakai atau di-guna sebagai satu senjata yang merbahaya yang harus boleh di-dapati di-rumah2 itu atau pada orang itu atau dalam kapal atau kereta itu, dan boleh merampas sebarang senjata atau barang yang di-dapati-nya.

(2) Orang perempuan tidak akan di-pereksa dibawah Perentah ini kechuali oleh saorang perempuan.

Bahagian VI — Kuasa Mengambil Harta-Benda

Kuasa meram-
pas bangunan2.

24. (1) Dengan tidak menghiraukan sharat2 Perentah 26 Pegawai Penjaga Daerah Pulis boleh mengambil atau menduduki sebarang rumah atau bangunan sama ada yang tetap atau sementara dan sebarang tanah di atas mana rumah2 atau bangunan itu terdiri, yang ada sebab2 ia memperchayai —

- (a) di-punyai oleh atau telah di-gunakan oleh sa-saorang, yang bertujuan, atau akan bertindak atau telah bertindak, sechara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam; dan
- (b) di-punyai oleh atau di-duduki oleh sa-saorang yang melindong atau telah melindongkan atau orang gaji-nya atau ajent-nya melindong atau telah melindongkan saorang atau orang2 yang

bertujuan atau akan bertindak atau telah bertindak sechara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam.

(2) Tiap2 rampasan di-bawah Perentah ini hendak-lah di-laporkan kapada Menteri Besar dan ia jika sekira-nya berpuas hati yang rumah atau bangunan itu di-punyai oleh atau telah di-gunakan oleh sa-saorang atau orang2 yang tersebut di-dalam perenggan (1) bagi Perentah ini dengan perentah mengarahkan pensitaan rumah atau bangunaan ini berserta dengan tanah2 di-mana ia terdiri dan di-dalam perkara ini tidak-lah apa2 ganti rugi akan di-bayar :

Dengan sharat Menteri Besar boleh-lah membatalkan atau mengampunkan dengan tertalok kapada sebarang sharat2 yang di-fikirkan patut di-kenakan di atas pensitaan rumah atau bangunan dan tanah2 di-mana terdiri-nya rumah atau bangunan itu jika tuan yang punya memuaskan hati Menteri Besar ia-itu rumah atau bangunan telah di-gunakan oleh orang2 yang bertujuan atau akan bertindak atau telah bertindak dengan sechara yang berlawanan dengan keselamatan awam atau penjagaan ketenteraman awam, atau orang2 itu dilindungi atau telah di-lindungi oleh orang gaji atau ajent-nya, tanpa pengtahuan atau kebenaran-nya dan dia telah menjalankan segala daya upaya untuk menchegah supaya rumah atau bangunan itu tidak di-gunakan atau di-jadikan perlindungan orang2 yang sedemikian.

(3) Bagi maksud2 perenggan (2) bagi Perentah ini tanah yang di-katakan berkaitan dengan rumah atau bangunan ada-lah berma'ana tanah di atas mana rumah atau bangunan itu terdiri dan termasok-lah segala tanah yang berhampiran dengannya yang pada fikiran Menteri Besar di-gunakan atau di-nikmati berkaitan dengan pendudukan rumah atau bangunan itu. Di-mana sahagian sahaja dari tanah yang terkandong dalam satu surat milekan tanah telah di-pensita di-bawah sharat2

Perentah ini maka perentah pensitaan itu hendak-lah menetapkan had bahagian yang telah di-pensi-takan dan kadar luas-nya.

(4) Di-mana di-bawah perenggan (2) bagi Perentah ini sebarang tanah yang terkandong di-dalam sebarang surat milekan telah di-pensitakan maka —

- (a) satu naskah perentah pensitaan itu hendak-lah di-serahkan kepada Pegawai Pejabat Tanah dan satu chatetan bermaksud bahawa tanah ini telah di-pensita hendak-lah di-perbuat oleh Pegawai Pejabat Tanah di-dalam daf-tar surat milekan tanah yang berkaitan dengan tanah ini; dan
- (b) orang yang ada dalam simpanan-nya surat milekan tanah hendak-lah menyerahkan surat tersebut apabila di-pinta kapada pehak pendaftaran yang tertentu untuk di-batalkan; dan
- (c) satelah di-batalkan surat milekan tanah yang ada, maka satu surat milekan tanah yang baharu bagi sebarang ba-hagian tanah yang tidak di-pensi-takan yang terkandong di-dalam surat mile-kan tanah yang telah di-batalkan hendak-lah, satelah di-bayar sebarang bayaran mengukor dan lain2 bayaran yang harus oleh yang empunya, di-sediakan dan di-daftarkan dan surat milekan baharu bagi mana2 bahagian tanah yang tidak di-pensi-takan hen-dak-lah di-keluarkan kepada orang yang berhak kepada tanah itu.

(5) Di-mana di-bawah perenggan (2) bagi Perentah ini sebarang tanah di-pensi-takan di-dalam Negeri, maka Pegawai Pejabat Tanah hendak-lah membuat satu chatetan di-dalam buku2 di-Pejabat Pendaftaran bahawa tanah tersebut telah di-ambil balek kepada Negeri.

(6) Sa-saorang yang gagal menyerah sebarang surat milekan tanah supaya di-batalkan mengikut sharat2 Perentah ini akan di-dapati salah bagi satu kesalahan terhadap Perentah2 ini.

Kuasa merampas press
menchetak
dan bangunan
di-gunakan
untok men-
chetak.

*Undang2 No. 6
Tahun 1962*

25. (1) Sa-saorang pegawai pulis yang berpangkat Merinyu atau yang lebeh tinggi dari pangkat itu boleh merampas dan mengambil milek —

(a) sebarang press menchetak yang ia perchaya dengan sebab2 yang munasabah bahawa telah di-gunakan untok menchetak sebarang dokumen yang diharamkan di-bawah Perentah 27, atau menentang sharat2 bab 17 dari Undang2 Ketenteraman Dalam Negeri, 1962, atau bagi perkara yang mana sa-saorang telah di-dapati salah kerana satu kesalahan di-bawah sebarang undang2 berhabit dengan derhaka dan membelot atau chetakan2 penderhakaan dan belot :

(b) sebarang mishin type, alat mishin, alat perkakas, atau perlengkapan yang di-gunakan atau di-maksudkan untok keguna'an bagi sebarang maksud yang berhabit dengan pengelola'an sebarang press menchetak yang sedemikian; dan

(c) sebarang bangunan dalam mana press menchetak yang sedemikian, type, mishin type, mishin, alat perkakas atau perlengkapan di-dapati atau di-dalam mana ia mempunyai sebab2 yang munasabah bahawa sebarang surat sedemikian saperti yang di-sebutkan di atas telah di-chetak atau di-keluarkan.

(2) Sebarang benda atau bangunan yang di-rampas di-bawah Perentah ini hendak-lah di-tasrifkan mengikut sabagaimana yang Menteri Besar memerentahkan.

Kuasa mengambil pemilekan tanah atau bangunan2.

26. (1) Mentrei Besar, jika di-dapati oleh-nya perlu atau mustahak berbuat sedemikian bagi kepentingan keselamatan awam, atau bagi menempatkan sebarang Tentera2 Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau sebarang Pasukan Tempatan yang telah ditubohkan atau sebarang pasukan2 keselamatan yang lain, boleh mengambil sebarang tanah atau sebarang bangunan atau sebahagian daripada satu bangunan dan boleh memberi arahan2 sedemikian yang difikirkan oleh-nya perlu atau mustahak berhabit dengan pengambilan tanah atau bangunan itu.

(2) Sebarang pegawai pulis boleh mengambil langkah2 sedemikian dan menggunakan paksa sabagaimana yang difikirkan-nya perlu untuk menjalankan arahan2 di-beri kepada sa-saorang dibawah perenggan (1) bagi Perentah ini.

(3) Bagi maksud2 Perentah ini hendak-lah diadakan satu atau lebuh Jawatankuasa2 Penasehat yang terdiri dari orang2 yang dilantek oleh Mentrei Besar. Sebarang Jawatankuasa sedemikian boleh membuat peraturan2 bagi menjalankan tindakan.

(4) Sa-saorang tidak puas hati di atas pengambilan sebarang tanah atau bangunan di-bawah sharat2 Perentah ini boleh dalam tempoh empat belas hari selepas pengambilan itu dilakukan memberi notis tentang bantahan-nya terhadap tindakan itu kepada satu Jawatankuasa Penasehat yang dilantek di-bawah perenggan yang disebutkan diatas.

(5) Pengurus bagi sesuatu Jawatankuasa Penasehat kepada siapa notis sedemikian telah di-beri oleh pehak yang tidak berpuas hati hendak-lah mem-alumkan kepada sa-saorang bagi pehak siapa tanah atau bangunan tersebut telah di-ambil. Jawatan kuasa Penasehat hendak-lah selapas itu menimbangkan bantahan yang di-buat oleh pehak yang tidak berpuas hati dan sebarang alasan2 yang mungkin di-hadapkan menentang bantahan itu oleh sa-saorang bagi pehak siapa pemilekan itu telah dilakukan dan hendak-lah menghadapkan sokongan-nya kepada Mentrei Besar.

(6) Menteri Besar, selepas menimbangkan sokongan2 Jawatankuasa Penasehat hendak-lah memberi arahan-nya terhadap itu mengikut sabagaimana yang di-fikir-nya patut.

Melarang
menchetak,
menjual dln2.
dokumen.

26A . . .
27. (1) Menteri Besar boleh, dengan mengeluarkan perentah, melarang penchetalan, penjualan, pengeluaran, pembahagian atau pemilekan dokumen yang mana, pada pendapat-nya, mengandungi penggalakkan untuk menggunakan kekerasan atau menasehatkan supaya jangan berpatoh kapada undang2 atau kapada sebarang perentah2 yang di-perbuat dari sisi undang2 atau di-keluarkan untuk atau mungkin akan mengakibatkan satu perkara menganchamkan ketenteraman atau untuk menimbulkan perasa'an2 yang tidak baik atau permusuhan di-antara beberapa bangsa2 atau bahagian penduduk.

(2) Bagi mengelakkan waham ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa sebarang perentah yang di-buat di-bawah perenggan (1) bagi Perentah ini berhabbit dengan penerbitan yang di-keluarkan ber-kala2 atau bahagian sabahagian atau bernombor2 sama ada keluaran tetap atau tidak tetap, boleh diluaskan kapada sebarang penerbitan sedemikian yang telah di-keluarkan dahulu atau di-masa akan datang.

(3) Sa-saorang yang melanggar sesuatu perentah yang di-buat di-bawah Perentah ini ada-lah melakukan kesalahan dan akan di-denda tidak lebih dari dua ribu ringgit atau di-hukum penjara atau kedua hukuman denda dan penjara.

27A . . .
Bahagian VII — Perbicharaan Jinayah dan Bokti

Tafsiran.
28. Dalam Bahagian ini kechuali jika kandungan ayat berma'ana sebalek-nya —

“Kes Dzarurat” bererti sebarang kes yang diakui sebagai satu Kes yang layak dibawah Perentah2 ini menurut Perentah 34;

“penda’wa raya” termasuk saorang timbalan penda’wa raya.

Pemasokkan
chakapan
dalam ke-
saksian.

29. (1) Apakala sa-saorang itu di-da'wa dengan sebarang kesalahan terhadap Perentah2 ini atau dengan sebarang kesalahan yang di-tentukan dalam Jadual kapada Perentah2 ini, mana2 satu chakapan, sama ada chakapan itu di-anggapkan sebagai satu pengakuan atau pun sebalek-nya atau sechara mulut atau pun bertulis yang di-buat pada sebarang masa, sama ada sebelum atau pun selepas orang tersebut di-da'wa dan sama ada dalam penyiasatan Pulis atau tidak dan sama-ada seluroh-nya atau sebahagian-nya ialah jawapan2 kapada soalan2, oleh orang itu kapada atau dalam pendengaran sebarang pegawai pulis, sama-ada atau tidak di-beri ertikan kapada-nya oleh salah satu pegawai pulis yang lain atau oleh sebarang orang yang berkenaan atau tidak, dengan penangkapan, akan, walau pun apa2 jua berlawanan yang terkandong di-dalam sebarang undang2 yang bertulis boleh-lah diterima sebagai kesaksian di-dalam perbicharaan-nya. Jika orang itu menawarkan diri-nya sebagai saorang saksi, tiap2 chakapan itu boleh di-gunakan dalam berosal jawab dan bagi maksud menchachatkan kabetulannya :

Dengan sharat bahawa chakapan itu tidak-lah boleh di-terima sebagai kesaksian —

- (i) jika ternyata kapada Mahkamah bahawa chakapan itu di-buat sa-lepas satu pujokan, ugutan, atau janji yang ada kena mengena dengan tudohan terhadap orang itu, yang di-beri oleh sa-saorang yang berkuasa dan chukop pada pendapat Mahkamah untuk memberi orang itu sebab2 yang akan ternyata kapada-nya berpatutan bagi menjangka bahawa dengan membuat chakapan itu dia akan memperoleh satu2 faedah atau boleh mengelak sebarang mala petaka yang sementara yang berkaitan dengan tindakan yang di-ambil ka atas-nya; atau

(ii) jika chakapan itu di-buat oleh orang yang tersebut selepas penangkapan-nya, kechualи jika Mahkamah berpuas hati bahawa, sebelum dari membuat chakapan itu, satu peringatan telah di-beri kepada-nya dengan perkataan2 yang berikut atau perkataan2 yang saperti-nya :

“Ada-lah menjadi tanggong jawab saya untok memberi amaran kapada kamu yang kamu tidak di-wajipkan berkata apa2 atau menjawab kapada sebarang soalan, tetapi apa2 juga yang kamu katakan, sama ada dalam menjawab kapada satu soalan atau pun tidak, boleh di-beri dalam kesaksian.”

(2) Dengan tidak menghiraukan apa2 yang berlawanan yang terkandong di-dalam sebarang undang2 yang bertulis sa-saorang yang di-tudoh kerana satu kesalahan pada-mana perenggan (1) bagi Perentah ini boleh di-kenakan, maka ia tidaklah di-kehendakki menjawab sebarang soalan yang berkaitan dengan tuduhan tersebut satelah sebarang peringatan saperti yang tersebut di atas telah di-beri kepada-nya.

(3) Perentah ini akan di-kenakan berhubong dengan orang2 yang di-bicharakan salepas berjalan-nya Perentah2 ini sama ada atau tidak tindakan ka-atas sa-saorang itu telah di-lakukan dan sama ada atau tidak chakapan yang berkaitan telah di-buat sebelum berjalan-nya Perentah2 ini.

(4) Bagi maksud2 Perentah ini perkataan “pegawai pulis” ada-lah termasuk sebarang ahli dari Tentera Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau dari sebarang Pasukan2 Tempatan yang telah di-tubohkan di-bawah Undang2 yang bertulis.

Kesaksian
dan sang-
kaan2.

30. (1) Dalam sebarang penda'waan bagi satu kesalahan terhadap Perentah2 13, 14 dan 15 bagi Perentah2 ini, terbukti-nya bahawa pada ketika dia-nya tertangkap, orang salah itu ada memakai uniform haram atau ada pada-nya surat2 sabersib, maka buku ini akan di-terima dalam kesaksian dan pemakaian uniform haram itu atau pemilikan surat2 sabersib tersebut akan di-jangka oleh Mahkamah sebagai satu keadaan yang menerbitkan satu anggapan yang boleh di-nafikan bahwa orang yang dituduh itu —

- (a) dalam satu kesalahan terhadap Perentah 13 telah menggunakan, senjata atau perkakas bagi satu maksud yang haram;
- (b) dalam satu kesalahan terhadap Perentah 14, bermaksud atau hendak melakukan atau baru telah melakukan, sechara yang berlawanan dengan keselamatan orang ramai atau ketenteraman orang ramai, atau juga bekalan2 yang fikirkan dia telah menuntut, memungut atau menerima, atau yang ada di-mileki-nya, atau yang mana dia telah menyediakan-nya, telah di-maksudkan untuk kegunaan saorang pen-derhaka; dan
- (c) dalam satu kesalahan terhadap Perentah 15, bermaksud, atau hendak melakukan, atau baru telah melakukan, dengan orang yang dia sedang bersu-bahat atau dalam kumpulan siapa dia telah di-jumpai, sechara yang berla-wanan kepada keselamatan orang ramai atau ketenteraman orang ramai.

(2) Tiap2 surat yang berarti menjadi satu surat sabersib akan di-anggap sebagai satu surat sabersib sehingga perkara sebalek-nya telah di-boktikan.

31. Dengan tidak menghiraukan apa2 jua yang berlawanan dalam sebarang Undang2 yang ber-tulis —

Penyiasatan
kematian dan
lain2.

- (a) saorang Pengadil boleh memansohkan penyiasatan kematian ke-atas mayat sa-saorang pegawai pulis atau sa-saorang ahli dari Tentera Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau sebarang Pasukan Tempatan yang telah ditubohkan di-bawah sebarang undang2 yang bertulis;
- (b) jika Pengadil yang bertanggong jawab kerana mengadakan satu penyiasatan kematian ka-atas mayat sa-saorang berpuas-hati bahawa orang itu telah terbunoh akibat dari satu gerakan bagi maksud hendak menghapuskan huru hara oleh pulis atau Tentera Laut, Darat atau Udara Di-Raja atau oleh sebarang Pasukan Tempatan yang telah ditubohkan di-bawah sebarang Undang2 yang bertulis, Pengadil boleh memansohkan penyiasatan kematian ka-atas mayat orang itu.

Peratoran biasa di-kenakan ter-ta'alok kapada perubahan2 yang di-adakan oleh Perentah2.

32. Sharat2 dari Perentah2 yang berikut ini akan di-lakukan dengan tiada menghiraukan apa2 jua yang berlawanan dalam sebarang Undang2 yang bertulis, tetapi, kechualи di-sepanjang mana ia-nya boleh di-ubah oleh Perentah2 ini, chara dan peratoran Mahkamah yang biasa akan di-kenakan kapada kes2 dzarurat yang di-bicharakan di-bawah Perentah2 ini.

Perbicharaan dengan bantuan orang2 pengapit hakim.

Panggal 7.

33. Manakala sa-saorang di-tudoh dalam sebarang kes dzarurat dengan satu kesalahan bagi yang mana hukuman mati di-sahkan oleh Undang2, dia akan di-bicharakan oleh Mahkamah Tinggi dengan di-bantu oleh pengapit2 hakim menurut dengan kelengakapan2 dari Panggal XX dan XXI dari Undang2 Peratoran Jenayah. (Criminal Procedure Code).

Mengesahkan satu kes sebagai satu kes dzarurat.

34. Di-mana sa-saorang di-tudoh dengan sebarang kesalahan terhadap sebarang undang2 yang bertulis dan Penda'awa Raya mengesahkan de-

ngan bertulis bahwa kes ini ada-lah satu kes yang layak di-bicharakan di-bawah Perentah2 ini, kes tersebut akan di-bicharakan dan di-putuskan menu-rut peratoran2 di-bawah Perentah 35 sehingga 41.

Tidak ada Penyiasatan Permulaan bagi kes dzarurat.

35. (1) Penyiasatan Permulaan tidak akan di-adakan berhubong dengan sebarang kes dzarurat akan tetapi Pengadil di-hadapan siapa orang salah itu sudah di-hadapkan, akan, atas penyerahan surat yang di-susolkan dalam Perentah 34, dan sama ada atau tidak atau Penyiasatan Permulaan telah pun di-mulakan, dengan serta merta memerentahkan orang salah itu di-bicharakan oleh Mahkamah Tinggi pada tempat dan di atas dawa'an yang tertentu menurut yang di-tetapkan oleh Pendawa Raya.

Panggal 7.

(2) Peratoran2 dari fasal 145 dari Undang² Peratoran Jenayah (yang berhubong dengan mena-ma dan memanggil saksi bagi pembelaan) akan di-kenakan kepada sebarang kes dzarurat.

(3) Jamin tidak akan di-benarkan kapada orang salah yang di-perentah untuk di-bicharakan di-bawah Perentah ini kechualи :—

- (i) orang itu berumor di-bawah 16 tahun atau ia-nya saorang perem-puan, atau sakit atau tidak ber-daya, dan
- (ii) kesalahan yang di-tudohkan ter-hadap-nya bukan-lah satu kesala-han yang boleh di-hukomkan dengan hukuman mati atau pen-jara sa-umor hidup.

(4) Penda'awa Raya boleh dalam sebarang kes dzarurat, pada sebarang masa sebelum di-bichara-kan, mengubah atau menarek balek tudohan atau tudohan2 terhadap orang salah atau menyusun satu tudohan tambah atau tudohan2 tambah ka-atas-nya.

Rekord,per-chakapan da-lam pemereksaan dll., yang akan di-bentangkan.

36. Apakala orang yang kena tudoh telah di-perentah untuk di-bicharakan dalam sebarang kes dzarurat, maka rekod2 perbichara'an di-dalam sebarang kes di-mana satu Pemereksaan Permulaan

telah di-mulakan termasok apa jua chakapan saksi yang telah di-ambil dan barang2 ‘exhibit’ yang telah di-edarkan mahu-lah di-hantarkan kepada Pendaftar di-tempat yang mana orang di-tudoh itu telah di-perentahkan untok di-bicharakan supaya dapat di-gunakan, setakat mana yang boleh, menurut perjalanan dan peratoran mahkamah2 seperti yang lazim.

Tarikh per-bicharaan.

37. Apakala satu kes dzarurat telah di-perentahkan bichara menurut saperti yang di-sebutkan tadi, maka Pendaftar akan dengan serta merta menetapkan satu tarikh bagi perbicharaan orang yang di-tudoh itu.

**Chakapan2
saksi2 mahu-lah
di-beri kapada
orang yang di-
tudoh.**

38. Dalam tiap2 kes dzarurat maka pehak penda’awa akan, tidak kurang dari dua hari dahulu daripada tarikh yang di-tetapkan bagi perbicharaan kes itu, memberikan kapada orang yang di-tudoh atau kapada peguam-nya, jika ada, satu salinan chakapan2 yang di-beri kapada pulis dalam masa pemerkosaan2 pulis dari semua orang yang di-chadang hendak di-panggil sebagai saksi2 bagi pehak penda’awa dalam perbicharaan itu.

**Notis perbi-
charaan.**

39. (1) Jika, di-dalam sebarang kes dzarurat, orang yang di-tudoh di-dapati salah maka menjadi kewajipan bagi Hakim Yang Mengurus, sesudah sahaja menjatohkan hukoman, bertanya kepada orang yang di-dapati salah itu jika ia hendak memohon ulang-bichara berkenaan dengan ia-nya di-dapati salah atau di atas hukoman yang di-jatohkan katanya atau kedua-dua-nya sekali, dan apa-apa jawapan kepada pertanyaan itu mahu-lah di-chatetkan dan menjadi sebahagian kepada rekod kes itu :

Dengan sharat bahawa tidak ada apa2 dalam Perentah ini akan di-kenakan kapada sebarang kes dzarurat di-mana —

- (a) tidak ada lain hukoman selain daripada hukoman mati yang di-adakan oleh undang2; dan
- (b) orang yang di-tudoh telah di-dapati salah atas pengakuan salah-nya sendiri.

(2) Jika jawapan kapada soalan itu mengiakan maka jawapan sedemikian akan di-sifatkan sebagai

permohonan ulang-bichara dengan mulut dan rekod pendawa'an akan dengan terus-nya di-hadapkan kepada Pendaftar Mahkamah Ulang-Bichara.

(3) Jika jawapan bagi soalan itu menidakkan atau tidak tentu, maka orang yang di-dapati salah itu boleh jua memberi notis permohonan ulang-bichara dengan rasmi menurut chara dan di-dalam masa yang di-tentukan oleh undang2 yang lazim berhubongan dengan ulang-bichara dari Mahkamah Tinggi dalam perkara2 jinayah.

Pemberian
pegawai.

40. (1) Terta'alok kepada sebarang arahan yang di-beri oleh Mahkamah Ulang-Bichara dalam semua hal ulang-bichara jinayah ka-Mahkamah Ulang-Bichara, maka Pendaftar Mahkamah Ulang-Bichara akan menentukan saorang peguam untuk membela orang yang memohon ulang-bichara itu melainkan —

- (a) orang yang memohon ulang-bichara itu telah mengadakan saorang peguam-nya sendiri untuk membela-nya dalam ulang bichara itu; atau
- (b) orang yang memohon ulang-bichara itu tidak di-hukom dengan hukuman mati tetapi hukuman yang lain; atau
- (c) orang yang memohon ulang-bechara itu berada di-dalam jaminan sabelum di-putuskan ulangan-bichara-nya.

(2) Jika saorang peguam telah di-adakan atau di-tentukan untuk membela orang yang memohon ulang-bichara itu, maka tidak akan menjadi perlu bagi orang yang memohon menghadziri sendiri dalam perbicharaan ulangan itu melainkan jika Mahkamah Ulang-Bichara mengarahkan sebalek-nya.

Notis perbi-
charaan
ulangan.

41. Pendaftar Mahkamah Ulang-Bichara akan memberi notis kapada Penda'wa Raya dan kapada orang yang memohon ulang-bichara atau peguam-nya tarikh dan waktu perbicharaan ulangan itu.

J A D U A L

(Perentah 29)

Penal Code
(*Panggal 22*) Sebarang kesalahan di-sebarang bab yang berikut : 117, 140 hingga 160, 189, 190, 212, 216, 216A, 225, 302, 304, 324 hingga 327, 329 332, 342 hingga 348, 353, 357, 363 hingga 402, 430, 431, 435, 436, 448 hingga 457, 458 hingga 460, 505 hingga 507.

Undang2 Keten- Sebarang kesalahan di-bawah Undang2 ini.
teraman Dalam
Negeri, 1962.
Undang2 No. 6
bagi tahun 1962.

Undang2 Per- Sebarang kesalahan di-bawah Undang2 ini.
sekutuan2
(*Panggal 66*)

Undang2 Dur- Sebarang kesalahan di-bawah Undang2 ini.
haka dan mem-
belot
(*Panggal 24*)

Undang2 Cheta- Sebarang kesalahan di-bawah Undang2 ini.
kan Yang Tidak
Di-Ingin
(*Panggal 25*)

Di-perbuat pada 12 haribulan December, 1962.

SIR OMAR ALI SAIFUDDIN
*Duli Yang Maha Mulia Sultan,
Brunei.*